

PENYAKIT kronik tidak berjangkit seperti kardiovaskular, tekanan darah tinggi, diabetes mellitus dan penyakit kronik buah pinggang (CKD) kini mengambil tempat penyakit berjangkit sebagai ancaman utama kepada kesihatan umum dan bajet kesihatan seluruh dunia.

Ketika kematian disebabkan penyakit berjangkit dijangka menurun sebanyak 3 peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang, penyakit kronik tidak berjangkit pula dianggarkan meningkat 17 peratus dengan menyebabkan 72 peratus kematian terutama di kalangan mereka yang berumur 30 tahun ke atas.

Contoh, masalah buah pinggang yang sebelum ini tidak mendapat perhatian kini muncul sebagai unsur kritikal dalam usaha pencegahan penyakit. Penyakit itu menjadi komplikasi yang menyebabkan kematian di kalangan pesakit diabetes dan tekanan darah tinggi serta mampu menjadi indikator perkembangan kejadian kardiovaskular.

Ketua Perkhidmatan Nefrologi, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Rozina Ghazalli, berkata masalah dalam fungsi buah pinggang juga menandakan masalah dalam sistem vaskular.

Justeru, katanya ia boleh menyumbang kepada pengesanan awal penyakit lebih serius seperti strok, vaskular periferi, masalah jantung koronari dan kegagalan fungsi buah pinggang (ESRF).

"CKD wujud apabila perkumuhan albumin dalam air kencing

Penyakit kronik ancaman baru

Diramalkan dalam tempoh 10 tahun 72 peratus kematian akan disebabkan penyakit kritikal seperti kegagalan buah pinggang, kardiovaskular dan diabetes



PESAKIT buah pinggang berisiko diserang penyakit lebih serius seperti strok dan jantung.

seseorang individu meningkat. Penurunan fungsi buah pinggang atau kadar filtrasi glomerular (GFR) yang banyak juga menandakan wujudnya penyakit ini," katanya.

Beliau berkata, ini menyebabkan wujud komplikasi lain

seperti tekanan darah tinggi, masalah kurang darah (anemia), penyakit jantung dan masalah salur darah lain.

Di seluruh dunia, katanya terdapat lebih daripada 500 juta individu atau seorang daripada 10 orang populasi menghidap

penyakit buah pinggang dalam tahap yang berbeza.

Punca utama penyakit buah pinggang adalah masalah nefron atau radang pada buah pinggang, jangkitan, halangan salur kencing serta penyakit keturunan seperti penyakit buah pinggang polisistik.

"Di negara maju dan membangun, puncanya pula dikaitkan dengan diabetes dan tekanan darah tinggi. Penyakit ini juga punca paling biasa penyakit kardiovaskular," katanya.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menasarkankan untuk

menurunkan kadar kematian disebabkan penyakit kronik sebanyak dua peratus setahun untuk 10 tahun akan datang iaitu bersamaan dengan 36 juta kematian.

Justeru, usaha WHO itu harus diselarikan dengan perancangan kesihatan di seluruh dunia. Satu daripadanya sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang dirai bagi menyebarkan mesej CKD adalah masalah kronik yang kerap berlaku, berbahaya tetapi boleh dirawat.

Pengerusi Jawatankuasa Pengajaran Hari Buah Pinggang Sedunia 2008, Dr Goh Bak Leong, berkata sambutan tahun ini menggabungkan kerjasama antara Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Kementerian Kesihatan dan Persatuan Nefrologi Malaysia.

"Kempen itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah penyakit buah pinggang, kepentingan pengesanan awal dan pencegahan penyakit buah pinggang di kalangan kanak-kanak, selain lapisan masyarakat yang lain.

"Ia membabitkan sesi ceramah umum dan pemeriksaan kesihatan buah pinggang oleh unit bergerak Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan," katanya.

fakta

Penyakit kronik buah pinggang

- CKD adalah isu kesihatan global dan dihidapi oleh lebih daripada 500 juta penduduk dunia.
- Pengesanan awal CKD boleh dibuat dengan ujian makmal yang mudah atas sampel darah dan air kencing.
- Pengesanan awal masalah fungsi buah pinggang amat penting kerana ia membolehkan rawatan sesuai diberi sebelum kerosakan buah pinggang atau kewujudan komplikasi lain.

Diagnosis